



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 4 /2004
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berhak untuk mendapatkan Pengurniaan Tambang Bagi Menunaikan Fardu Haji adalah dikehendaki untuk menghadapkan permohonan-permohonan mereka untuk dipertimbangkan bagi Musim Haji 2005 Masehi [1425 Hijriah]. Permohonan-permohonan hendaklah sampai ke **Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari 20 Mei 2004 dan permohonan-permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan.** Syarat-syarat bagi pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang boleh memohon tambang ini adalah seperti syarat-syarat yang terkandung dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 8/1997 Ruj: JPM/SK/8/1997 bertarikh 29 Zulhijah 1417 bersamaan dengan 7 Mei 1997 kecuali perkara-perkara 3 dan 5 Surat Keliling tersebut diubah seperti berikut:-

1. Perkhidmatan selama 15 tahun bererti perkhidmatan tetap bergaji bulan, dari sebulan kesebulan atau open-vote dikira dari tarikh mula berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji bulan hinggalah kepada tarikh terakhir iaitu **20 Mei 2004** tetapi tidaklah termasuk perkhidmatan dalam bergaji hari.
2. Mereka yang telah dikurniakan tambang bagi menunaikan fardu Haji bagi **Musim Haji 2004 Masehi [1424 Hijriah]** yang tidak meneruskan pemergiannya dan berhajat untuk menunaikannya pada **tahun 1425H/2005M** adalah dikehendaki untuk menghantar borang permohonan yang baru bagi dipertimbangkan semula.

Kedua-dua perkara 1 dan 2 di atas adalah bagi menggantikan perkara-perkara 3 dan 5 dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 8/1997 yang tersebut di atas. Surat Keliling ini adalah bagi menggantikan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 7/2003.

[DATO PADUKA HAJI DANI BIN HAJI IBRAHIM]

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan BA 1000,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Ruj: (4) JPM/SK/2004

Tarikh: 18 Zulhijah 1424 / 9 Februari 2004